



**MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
BAHAGIAN RISIKAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PERTAHANAN**

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
E-mel : brksp@mod.gov.my
Web: www.mafhq.mil.my

SIARAN AKHBAR

**KUALA LUMPUR
8 NOVEMBER 2024
(Dikeluarkan pada jam 5.30 petang)**

**PERKEMBANGAN TERKINI SUSULAN INSIDEN LETUPAN BERHAMPIRAN
KONVOI PERJALANAN MALBATT 850-12 DARI BEIRUT KE KEM MARAKAH**

1. Susulan insiden melibatkan konvoi pertama *Malaysian Battalion 850-12* (MALBATT 850-12) yang terlibat dalam kejadian letupan di Beirut pada 7 November 2024, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ingin memaklumkan bahawa konvoi berkenaan telah selamat tiba di Kem Marakah pada hari yang sama, sekitar jam 5.30 petang waktu Lubnan (11.30 malam waktu Malaysia) bersama dengan lima daripada enam anggota yang mengalami kecederaan ringan. Salah seorang anggota yang menerima rawatan di Hospital Hamood juga telah dibenarkan keluar pada 8 November 2024, jam 12.01 pagi waktu Lubnan (6.01 pagi waktu Malaysia), dan kini berada di Kem Marakah bersama anggota lain. Semua anggota kini selamat berada di kem.
2. Rawatan susulan terhadap anggota yang mengalami kecederaan akan diteruskan oleh Pegawai Perubatan MALBATT 850 di Kem Marakah dan akan meneruskan tugas seperti biasa apabila pulih sepenuhnya.
3. Pihak *United Nations Interim Force In Lebanon* (UNIFIL) sedang menyiasat kejadian serangan di *Lebanese Armed Forces (LAF) Check Point*, Stadium Saida yang melibatkan konvoi MALBATT 850-12 tersebut.
4. ATM akan meneruskan rancangan pertukaran terup antara MALBATT 850-11 dan MALBATT 850-12 mengikut jadual yang telah dirancang oleh pihak UNIFIL. Perkara tersebut turut dilaksanakan oleh beberapa negara yang menghantar terup pengaman ke UNIFIL, yang terlibat dalam rancangan pertukaran terup pada bulan ini dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Kumpulan kedua MALBATT 850-12 dijangka akan berlepas pada 10 November 2024 berkekuatan seramai 219 orang.



5. Manakala terup MALBATT 850-12 yang masih berada di Malaysia tetap menjalankan tugas seperti biasa dan sedang melakukan persiapan akhir sebelum diatur gerakan ke Lubnan. Mereka tetap mempamerkan moral dan semangat juang yang tinggi.

6. ATM kekal komited terhadap tahap keselamatan dan kesejahteraan anggota dalam melaksanakan misi pengaman di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan terus memantau secara rapi melalui Markas Angkatan Bersama (MK AB) berkenaan perkembangan insiden tersebut. Maklumat terkini akan dimaklumkan kepada umum dari masa ke semasa.

-TAMAT-

“ANGKATAN MASA HADAPAN : BENTENG PERTAHANAN NEGARA”

